



CABARAN PERKAHWINAN SILANG BUDAYA DI JEPUN

[THE CHALLENGES OF CROSS-CULTURAL MARRIAGES IN JAPAN]

AMIRAH IRYANI HAYATUDDIN¹ & A'DAWIYAH ISMAIL^{1*}

1 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: amirahiryani71@gmail.com; ada@ukm.edu.my

Correspondent Email: ada@ukm.edu.my

Received: 22 July 2025

Accepted: 26 August 2025

Published: 30 September 2025

Abstrak: Perkahwinan silang budaya merupakan perkahwinan yang melibatkan pasangan yang berlainan bangsa, budaya mahupun negara. Pasangan berkahwin silang budaya ini kebiasaannya mengalami cabaran antaranya masalah dalam berkomunikasi disebabkan penggunaan bahasa yang berlainan dan salah faham dalam memahami budaya masing-masing. Hal ini boleh membawa kepada perkara yang tidak diinginkan seperti perceraian akibat tiada persefahaman. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pasangan yang berkahwin silang budaya. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Kaedah pengumpulan data adalah menganalisis dokumen berdasarkan bahan cetakan yang mempunyai penjelasan mengenai tajuk ini bersumberkan buku, jurnal, laporan penyelidikan dan akhbar. Data dianalisis berdasarkan tema tajuk dalam kertas kerja ini yang berhubung dengan cabaran dalam perkahwinan silang budaya di Jepun. Dapatan menunjukkan bahawa perbezaan bahasa, agama dan budaya, sikap individualisme serta hubungan seksualiti merupakan cabaran yang dihadapi oleh pasangan yang berkahwin silang budaya. Implikasi daripada cabaran ini bukan sahaja memberikan kesan negatif terhadap pasangan perkahwinan silang budaya tetapi juga terhadap keharmonian rumah tangga dan anak-anak hasil perkahwinan silang budaya. Semoga kajian ini akan membantu pasangan yang ingin berkahwin silang budaya membuat persediaan mental dan fizikal sebelum berkahwin dalam usaha mengekalkan perkahwinan serta mewujudkan keluarga yang harmoni.

Kata Kunci: Cabaran, Perkahwinan, Silang Budaya, Jepun

Abstract: Cross-cultural marriage refers to a union between partners of different races, cultures, or nationalities. Couples in cross-cultural marriages often face challenges, particularly communication difficulties due to language differences and misunderstandings arising from diverse cultural interpretations. These issues may lead to undesirable outcomes such as divorce caused by a lack of mutual understanding. Therefore, this study was conducted to identify the challenges faced by couples in intercultural marriages. The research design employed is a quantitative survey study. Data collection was carried out through document analysis of printed materials related to this topic, including books, journals, research reports and newspapers. The data were analyzed thematically based on topics discussed in this paper concerning the challenges in cross-cultural marriages in Japan. The findings indicate that differences in language, religion and culture, individualistic attitudes and issues related to sexuality are among the major challenges faced by cross-cultural married couples. The implications of these challenges not only have negative effects on the couples themselves but also on the harmony of the household and the well-being of their children. It is hoped that this study will assist individuals who

intend to enter cross-cultural marriages to prepare themselves mentally and physically, in order to sustain their marriage and foster a harmonious family.

Keywords: Challenges, Marriage, Cross-cultural, Japan



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:

Amirah Iryani Hayatuddin & A'dawiyah Ismail. 2025. Cabaran Perkahwinan Silang Budaya di Jepun [The Challenges of Cross-Cultural Marriages in Japan]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 5(3), 24-32.

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan fitrah kepada setiap insan dalam menjalani kehidupan di dunia. Perkahwinan ini merupakan perbuatan atau amalan yang sangat dituntut di sisi Allah SWT. Rasulullah SAW juga sangat menggalakkan umatnya untuk berkahwin kerana ia merupakan satu ibadah paling lama dalam kehidupan. Perkahwinan atau pernikahan secara umumnya merupakan satu akad yang menghalalkan hubungan suami dan isteri. Namun kajian ini ingin memfokuskan mengenai perkahwinan silang budaya di Jepun. Perkahwinan silang budaya merupakan pasangan suami isteri yang berkahwin campur yang kebiasaannya berbeza dari segi budaya, bangsa dan bahasa.

Perkahwinan silang budaya memberi peluang kepada pasangan yang berbeza budaya yang bertemu secara langsung, bertukar idea dan berbeza tingkah laku dalam kehidupan seharian. Mereka cuba mewujudkan gaya hidup baharu setelah berkahwin, namun pasangan yang berkahwin silang budaya ini bertemu dengan aspek kehidupan berbeza yang agak sukar seperti bahasa pasangan, tabiat makan, hubungan dengan ibu bapa dan anak atau adik-beradik, cara berfikir tentang masa dan ruang, status sosio ekonomi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, perkahwinan silang budaya ini telah memberi ruang yang sesuai kepada pasangan untuk menerima orang lain, budayanya dan cara penyelesaian serta rundingan yang berbeza.

Menurut Theint Theint Htwe (2012), perkahwinan silang budaya di Jepun bukanlah satu fenomena pada zaman dahulu. Hal ini kerana negara Jepun pernah mengalami tempoh *tokugawa* iaitu menutup negaranya (*sakoku*) daripada kemasukan warga asing kecuali negara China. Namun pada 1853, *sakoku* berakhir dan negara Jepun telah membuka peluang kepada warga asing untuk masuk ke negaranya sekaligus berlaku perubahan kepada orang Jepun dalam berinteraksi dengan warga asing. Dengan ini, perkahwinan silang budaya berlaku dalam jumlah yang sedikit. Statistik dalam kajian ini juga menunjukkan bilangan perkahwinan silang budaya di Jepun pada tahun 1965 hingga 2005 berlaku peningkatan daripada bilangan kurang 10,000 kepada lebih 40,000. Selain itu, statistik bilangan perkahwinan silang budaya dalam kalangan orang lelaki Jepun dan warga asing wanita berlaku peningkatan daripada tahun 1965 sehingga 2010.

Kajian yang dijalankan oleh Shuko Takeshita (2016) hasil kajiannya mendapati bilangan perkahwinan campur yang didaftarkan di Jepun ialah 4,156 pada tahun 1965. Ini

merupakan statistik pertama mengenai perkahwinan campur yang dicatatkan oleh Jepun. Ini mewakili hanya 0.4 peratus daripada semua perkahwinan di Jepun. Bilangan ini meningkat dengan pesat semasa separuh akhir 1980-an sehingga awal 1990-an. Bilangan tertinggi perkahwinan campur yang direkodkan dalam satu tahun ialah 44,701 pada tahun 2006 dengan nisbah perkahwinan campur sehingga 6.1 peratus pada tahun 2006. Namun begitu, tahun 2006 menunjukkan kemuncak dalam bilangan perkahwinan campur. Hal ini kerana bilangan tersebut menurun kepada 30,207 pada tahun 2010.

Perkahwinan silang budaya atau perkahwinan campur di Jepun pada hari ini bukanlah perkara asing lagi dan sehingga sekarang masih terdapat pasangan yang berkahwin silang budaya. Antara faktor berlakunya perkahwinan silang budaya antara pasangan warga Jepun dan warga asing adalah disebabkan faktor pekerjaan, visa hiburan, kekurangan wanita warga Jepun, visa pelajar dan sebagainya. Namun begitu, perkahwinan silang budaya ini bukan sahaja menunjukkan peningkatan dari segi jumlah perkahwinan tetapi jumlah perceraian juga turut meningkat. Menurut Theint Theint Htwe (2012), selari dengan trend perkahwinan silang budaya yang semakin meningkat, bilangan perceraian antara pasangan perkahwinan silang budaya juga telah meningkat. Ia meningkat daripada 7,716 pada tahun 1992 kepada 18,968 pada tahun 2010 yang terdiri daripada 7.5 peratus daripada keseluruhan perceraian yang didaftarkan. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pasangan berkahwin silang budaya dalam usaha mengurangkan jumlah perceraian dalam kalangan mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Kaedah pengumpulan data adalah menganalisis dokumen berdasarkan bahan cetakan yang mempunyai penjelasan mengenai tajuk ini bersumberkan buku, jurnal, laporan penyelidikan dan akhbar. Data dianalisis berdasarkan tema dalam tajuk kertas kerja ini yang berhubung dengan cabaran dalam perkahwinan silang budaya di Jepun.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengertian Perkahwinan Silang Budaya

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2018), perkahwinan ialah perihal berkahwin, pernikahan itu berlangsung dengan selamat. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (2024) menyatakan perkahwinan ialah akad yang menghalalkan antara lelaki dengan perempuan untuk hidup bersama dan menetapkan setiap pihak daripada mereka mempunyai hak dan tanggungjawab. Dalam erti kata lain, suatu akad yang menghalalkan persetubuhan dengan sebab perkataan yang mengandungi lafaz nikah, perkahwinan dan sebagainya. Menurut Siti Shamsiah (2018) pula perkahwinan bermaksud satu perjanjian yang mengandungi syarat dan rukun tertentu. Ia juga menghalalkan pergaulan antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang kedua-duanya bukan mahram. Oleh itu, perkahwinan dalam Islam merupakan perkara yang sangat mulia dan setiap muslim digalakkan untuk berkahwin.

Kajian ini memfokuskan perkahwinan silang budaya di Jepun. Menurut Yoshida Masanori (2010) dalam Masanori Yoshida (2016), perkahwinan campur di Jepun dipanggil *kokusai kekkon* atau perkahwinan antarabangsa yang bermaksud perkahwinan antara kewarganegaraan yang berbeza. Ia bukan sahaja merangkumi perbezaan dari segi kewarganegaraan, tetapi juga dari segi bangsa, etnik, bahasa, agama, status sosial, sistem sosial, tabiat makan dan sebagainya. Oleh itu, Yoshida Masanori (2010) dalam Masanori Yoshida (2016) memanggil *kokusai kekkon* (perkahwinan antarabangsa) sebagai *ibunka kekkon* (perkahwinan silang budaya).

Silang budaya menurut Shuko Takeshita (2016) ialah menggunakan istilah Jepun iaitu *kokusai kekkon* (perkahwinan campur) yang merujuk kepada perkahwinan antara orang yang berlainan bangsa. Malah dalam statistik yang disusun oleh agensi kerajaan, perkahwinan campur termasuk perkahwinan antara orang Jepun dan orang bukan Jepun yang dilahirkan dan berpendidikan di Jepun. Penggunaan istilah *kokusai kekkon* adalah daripada perkataan *zakkon* yang dipegang oleh orang Jepun iaitu satu kaum, monobudaya, monolinguistik dan homogen (Yan Li 2019). Oleh itu, istilah *kokusai kekkon* ini adalah selari dengan terma perkahwinan silang budaya iaitu perkahwinan campur antara sebuah negara dengan negara yang lain atau antara kaum yang berlainan. Ulani Yunus et al. (2018) pula menyatakan perkahwinan silang budaya ialah perkahwinan dua negara yang berbeza dan dari dua budaya yang berbeza. Pasangan yang berkahwin antarabangsa mempunyai potensi kejutan budaya akibat perbezaan yang wujud dalam interaksi mereka.

Secara umumnya, perkahwinan silang budaya ini merupakan perkahwinan antara dua negara, bangsa dan agama. Perkahwinan silang budaya sesama muslim ini amatlah dituntut dalam Islam agar dapat berkenalan antara satu sama lain, namun Islam tidak membenarkan perkahwinan silang budaya antara dua agama yang berlainan.

Perkahwinan Silang Budaya

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2018), perkahwinan ialah perihal berkahwin, pernikahan itu berlangsung dengan selamat. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (2024) menyatakan perkahwinan ialah akad yang menghalalkan antara lelaki dengan perempuan untuk hidup bersama dan menetapkan setiap pihak daripada mereka mempunyai hak dan tanggungjawab.

Oleh itu, perkahwinan silang budaya ini bukanlah perkara asing lagi dalam kehidupan seharian. Kajian ini memetik Surah al-Hujurat ayat 13 sebagai teras kepada teori. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling

takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal (Al-Quran, Surah al-Hujurat, 49:13).

Berdasarkan Abul Fida Isma'il Ibnu Kathir (2004) dalam Tafsir Ibnu Kathir, Allah SWT menceritakan kepada manusia bahawa Dia telah menciptakan mereka daripada diri yang satu dan darinya Allah menciptakan isterinya, iaitu Adam dan Hawa, kemudian Dia menjadikan mereka berbangsa-bangsa. Perkataan شُعُوبًا memberi pengertian bangsa dalam bahasa Arab adalah *sy'a'ibun* yang ertinya lebih besar daripada kabilah dan selepas kabilah terdapat peringkat yang lebih kecil seperti *fasail* (puak), *'asyair* (bani), *'amair*, *afkhad* dan sebagainya. Allah SWT juga menyuruh manusia agar saling mengenal antara satu sama lain, masing-masing dinisbahkan kepada kabilahnya (suku atau bangsa). Mujahid telah mengatakan makna ini daripada perkataan لِيَتَعَارَفُوا. Dalam Tafsir Ibnu Kathir (2004), berdasarkan ayat 13 surah al-Hujurat ini sebahagian ulama berpendapat bahawa *kafa'ah* (sepadan) dalam masalah nikah bukan merupakan syarat dan tiada syarat dalam pernikahan kecuali hanya agama kerana firman Allah SWT إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ.

Oleh itu, berdasarkan surah al-Hujurat ayat 13 dapat disimpulkan bahawa Allah SWT menggalakkan setiap manusia untuk saling berkenalan-kenalan antara satu sama lain tidak mengira kaum atau bangsa. Perkahwinan silang budaya juga termasuk dalam perkenalan ini namun syarat perkahwinan silang budaya mestilah mempunyai agama yang sama. Perkahwinan yang berlainan kaum, bangsa, negara dan sebagainya adalah dibenarkan kecuali melibatkan berlainan agama adalah diharamkan dalam agama Islam. Sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا ۚ وَلَٰمَةً مُّؤْمِنَةٍ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ ۚ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ ۚ وَلَا تُنكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا ۚ وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ ۚ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۚ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ ۖ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ ۚ بِإِذْنِهِ ۖ وَبَيِّنُ الْآيَاتِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

Maksudnya: Maksudnya: Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam). Dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana) orang-orang kafir itu mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke Syurga dan memberi keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya).

(Al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:221)

Berdasarkan ayat 221 surah al-Baqarah, Allah menyuruh agar para lelaki berkahwin dengan mana-mana wanita yang mereka berkenan walaupun berbeza bangsa, kaum dan negara. Sekiranya berlainan agama, pasangan tersebut mestilah memeluk agama Islam terlebih dahulu. Hal ini kerana telah dijelaskan dalam ayat tersebut bahawa jangan berkahwin dengan wanita

yang musyrik. Oleh itu, perkahwinan silang budaya telah dibenarkan dalam agama Islam dan ia bukanlah perkara yang asing kerana perkahwinan silang budaya ini telah dilakukan sejak zaman dahulu.

Cabaran Perkahwinan Silang Budaya di Jepun

Selari dengan trend peningkatan perkahwinan silang budaya, trend perceraian dalam kalangan pasangan berkahwin silang budaya di Jepun turut meningkat. Terdapat 5 cabaran yang dihadapi oleh pasangan berkahwin silang budaya iaitu perbezaan bahasa, agama, budaya serta disebabkan sikap individualisme dan hubungan seksualiti. Oleh itu, tujuan pengkaji merungkaikan cabaran perceraian ini adalah sebagai satu gambaran awal bagi pasangan yang ingin berkahwin silang budaya untuk berbincang mengenai perkara ini sebelum melangsungkan perkahwinan.

Cabaran pertama ialah perbezaan bahasa bagi pasangan berkahwin silang budaya. Perbezaan bahasa ini sudah tentu menjadi masalah terhadap pasangan yang berkahwin silang budaya khususnya antara dua buah negara. Masing-masing mempunyai bahasa ibunda yang tersendiri, namun sikap toleransi dan bertolak ansur sangat penting dalam usaha mengelakkan perselisihan faham dalam penggunaan bahasa sekaligus memudahkan komunikasi antara suami dan isteri.

Sena Darmasetiyawan (t.th.) menyatakan dalam kajiannya bahawa penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian keluarga bagi pasangan yang telah ditemu bualnya adalah penggunaan campuran antara bahasa Indonesia dan bahasa Jepun. Bahasa Indonesia sebagai bahasa asal kelahiran suami yang bertanggungjawab untuk mengekalkan hubungan dengan masyarakat kerana mereka tinggal di Indonesia. Manakala isteri pula mempunyai tujuannya tersendiri untuk memelihara bahasa Jepun sebagai lambang identiti budaya peribadi serta memberi pengetahuan tambahan kepada generasi mereka tentang penggunaan bahasanya. Sekiranya terdapat persetujuan bagi suami dan isteri untuk menggunakan kedua-dua bahasa, ia tidak menjadi masalah kepada mereka.

Namun begitu, dalam kajian Kanae Kura et al. (2019) menyatakan hasil temu bual terhadap pasangan perkahwinan silang budaya Jepun dan Amerika Syarikat, pasangan suami isteri ini bercakap dalam bahasa Jepun dan bahasa Inggeris di rumah tetapi mereka tidak selesa terhadap pendekatan komunikasi ini. Suami mengesani gaya komunikasinya yang tiada tapisan dan tegas menakutkan isterinya. Isteri pula mengekalkan jarak dengan suaminya. Ketidakelesaian yang terhasil adalah disebabkan kekurangan akulturasi dalam gaya komunikasi sekaligus menyebabkan isteri sentiasa menarik diri daripada perbualan. Justeru apabila diminta untuk menerangkan komunikasi pasangan, suaminya meringkaskan komunikasi antara mereka adalah kurang mesra (Kanae Kura et al. 2019). Perkara inilah yang membimbangkan kerana apabila bahasa yang dituturkan tidak difahami oleh suami dan isteri boleh menyebabkan salah faham dan mereka sendiri tidak ingin berkomunikasi antara satu sama lain. Hal ini akan menimbulkan pelbagai masalah yang tidak diingini.

Seterusnya, cabaran pasangan berkahwin silang budaya yang kedua ialah perbezaan agama. Menurut Elisa Ulfah (2023), perubahan agama atau kekurangan kefahaman antara pasangan berkaitan amalan agama boleh menjadi punca utama konflik dalam perkahwinan dan kadangkala membawa kepada perceraian. Dalam kajian ini, perkahwinan antara warga

Indonesia dan warga Jepun sering melibatkan perbezaan agama yang ketara dengan agama menjadi keutamaan bagi warga Indonesia manakala agama kurang penting bagi warga Jepun. Oleh itu, dalam banyak kes warga Jepun akan memeluk agama pasangannya iaitu warga Indonesia untuk memudahkan proses perkahwinan kerana undang-undang Indonesia tidak membenarkan perkahwinan antara agama. Namun, perkara inilah menjadi punca perceraian kerana selepas perkahwinan ada warga Jepun yang kembali kepada agama asal mereka dan ia mencetuskan konflik terutama apabila keluarga warga Indonesia tidak menerima perubahan tersebut.

Perbezaan budaya merupakan cabaran ketiga dalam kalangan pasangan berkahwin silang budaya. Pasangan berkahwin silang budaya sudah tentu mempunyai perbezaan budaya, namun ia memerlukan persefahaman antara kedua-dua pihak iaitu suami dan isteri untuk mendalami dan mempelajari budaya pasangan masing-masing. Perbezaan budaya ini akan menjadi punca perceraian apabila tiada persefahaman daripada suami dan isteri. Hal ini adalah selari dengan kajian Sena Darmasetiyawan (t.th.) mengenai pasangan perkahwinan silang budaya antara lelaki warga Bali, Indonesia dan wanita warga Tokyo, Jepun. Wanita yang berasal dari Jepun masih mengekalkan budaya Jepun dalam menggunakan penyepit, mangkuk dan cara mereka duduk di hadapan meja bulat rendah semasa makan bersama. Dalam kes ini, isteri hanya tidak melakukan salam makan seperti *Itadakimasu* dan *Gochisousama*. Sepatutnya isteri perlulah bertoleransi dengan menghormati adat makan bagi suami terutamanya di majlis keramaian. Isteri juga masih mengekalkan pakaian *kamen* dalam menghadiri majlis upacara adat Bali dan enggan memakai kebaya walaupun pasangan ini tinggal di Bali, Indonesia. Oleh itu, saranan terhadap pasangan yang berkahwin silang budaya adalah mengutamakan sifat toleransi dalam usaha menghormati dan mempelajari budaya pasangan masing-masing.

Selain itu, sikap individualisme adalah cabaran keempat bagi pasangan berkahwin silang budaya. Sikap individualisme bermaksud pasangan berkahwin silang budaya ini hanya mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan hal orang lain. Sebagai contoh, mereka mencari kebahagiaan mereka sendiri tanpa memikirkan kesan terhadap anak dan keturunannya. Niwako Yamawaki (2012) mendapati bahawa perceraian dan individualisme berkait rapat antara satu sama lain. Sebagai contoh, individu cenderung untuk mencari pemenuhan diri mereka sendiri iaitu kepentingan diri, mereka cenderung mengutamakan diri sendiri apabila bercerai. Individu cenderung tidak mahu mengorbankan pemenuhan peribadi mereka dalam perkahwinan yang buruk, walaupun tindakan perceraian menyebabkan gangguan emosi dan kewangan.

Kajian silang budaya Jepun dengan negara lain, menunjukkan bahawa budaya individualistik mempunyai kadar perceraian yang lebih tinggi berbanding dengan budaya *kolektivistik*. Pada tahun 1983, sebab perceraian dalam masyarakat Barat sama seperti perceraian di Jepun pada hari ini. Ia bukannya disebabkan oleh tradisi seperti memfokuskan keturunan namun disebabkan oleh hal peribadi iaitu mengejar kebahagiaan sendiri. Secara umumnya, makna perkahwinan dan perceraian telah beralih daripada *kolektivistik* kepada yang lebih individualistik. Hal ini kerana nilai susur galur keluarga semakin pudar sedangkan kasih sayang peribadi menjadi tumpuan utama dalam perkahwinan dan perceraian yang berlaku Jepun.

Akhir sekali, hubungan seksualiti merupakan cabaran terakhir bagi pasangan berkahwin silang budaya di Jepun. Hubungan seksualiti merupakan perkara fitrah yang ada dalam diri setiap pasangan yang berkahwin malah ia merupakan satu keperluan dan tanggungjawab. Di

Jepun hubungan seksualiti ini menjadi masalah utama khususnya apabila mereka berkahwin dengan warga asing. Menurut Beby Fitri Xaviera Gunawan dan Yunsida Eka Puteri (2023), lelaki Jepun sering bekerja lebih 60 jam seminggu. Ini menyebabkan keletihan yang melampau dan mengurangkan motivasi serta tenaga untuk aktiviti seksual. Shoko Konishi et. al. (2022) pula menyatakan bahawa kajian mendapati bahawa hampir 50 peratus lelaki berkahwin di Jepun tidak melakukan hubungan seksual dengan isteri. Namun sebilangan daripada mereka menggantikan keintiman dalam perkahwinan dengan hubungan seks kasual di luar perkahwinan. Hal ini kerana mereka lebih tertarik kepada orang lain berbanding pasangan sendiri. Perkara ini telah menjadi punca kepada berlakunya perceraian dalam perkahwinan. Oleh itu, masalah ketiadaan hubungan seksual dalam kalangan orang Jepun terutamanya lelaki telah memberi kesan negatif terhadap institusi perkahwinan dan turut menyumbang kepada masalah demografi utama negara seperti kadar kelahiran yang rendah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pasangan yang berkahwin silang budaya merupakan insan yang terpilih oleh Allah SWT. Hal ini kerana Allah SWT sangat menggalakkan setiap insan untuk saling berkenalan antara satu sama lain. Perkahwinan juga merupakan salah satu cara untuk setiap insan saling berkenalan dan merapatkan hubungan silaturahim. Sebagai umat Islam, berkahwin silang budaya khususnya bersama pasangan yang mualaf merupakan salah satu cabang dakwah kepada mereka. Namun begitu, pasangan ini menghadapi cabaran yang berbeza dengan pasangan yang berbeza sama budaya. Antara cabaran yang dihadapi oleh mereka ialah perbezaan bahasa, agama, budaya serta disebabkan sikap individualisme dan hubungan seksualiti. Cabaran yang diuraikan dalam kertas kerja ini boleh diatasi sekiranya pasangan suami dan isteri saling memahami, bertolak ansur, bekerjasama dan menerima pasangan masing-masing sebaiknya. Oleh itu, semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan pasangan yang berkahwin silang budaya mestilah memberi sokongan yang terbaik dalam memastikan perkahwinan yang didirikan mampu mewujudkan sebuah keluarga bahagia sekaligus menjadi contoh teladan terhadap keluarga yang bukan beragama Islam di Jepun.

RUJUKAN

- Atsushi Yamagata. 2019. Perceptions of Islam and Muslims in Contemporary Japan. *New Voices in Japanese Studies*. 11: 1-25.
- Beby Fitri Xaviera Gunawan dan Yunsida Eka Puteri. 2023. Pilihan Rasional Masyarakat Jepang Dan Dampaknya Pada Fenomena Resesi Seks: Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Perilaku Seksual di Jepang. *Jurnal Bahasa Asing*. 16(1): 44-55.
- Elisa Ulfah. 2023. Religious Identity Negotiation in Japanese-Indonesian Intermarriage. *International Journal of Culture and Art Studies*. 7(1): 30-40.
- Ibn Kathir, Abul Fida Isma'il Ad-Dimasyqi. 2004. *Tafsir Ibnu Kathir Juz 26*. Terj. Bahrin Abu Bakar et al. Bandung: Penerbit Sinar Baru Algensindo Bandung.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. 2024. Perkahwinan. <https://syariah.kelantan.gov.my/index.php/pustaka-media/perkahwinan>. 20 Ogos 2024.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an (30) Juz*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Kamus Dewan. 2018. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanae Kura, Su-Jeong Wee, Elsa Weber & David Nalbone. 2019. Acculturation of Japanese and American Intermarried Couples: Case Study of Their Marital Experiences and Parenting. *International Journal of Muticultural and Multireligious Understanding (IJMMU)*. 6(5): 611-626.
- Masanori Yoshida. 2016. Ethnic Relations and Harmonious Coexistence Through Cross Cultural Marriage: Its New Prospect in The Global Age. *Sosietas*. 6(2): 1-20.
- Niwako Yamawaki. 2012. Within - Culture Variations of Collectivism in Japan. *Journal of Cross – Cultural Psychology*. 43(8): 1191-1204.
- Nurkhamimi Zainuddin. 2020. Sinar Islam di Jepun. *My Metro*. 10 Januari.
- Sena Darmasetiyawan. t.th. A Case Study of Cross-Culture Marriage Between Japanese and Balinese. t.tp: t.pt.
- Shoko Konishi, Yoshie Moriki, Fumiko Kariya & Manabu Akagawa. 2022. Casual Sex and Sexlessness in Japan: A Cross-Sectional Study. *Journal Sexes*. 3: 254–266.
- Shuko Takeshita. 2016. Intermarriage and Japanese Identity. Dlm. E. Healy et al. (pnyt.). *Creating Social Cohesion in an Interdependent World*, hlm. 1-2. t.tp.: t.pt.
- Siti Shamsiah Md Supi. 2018. Perkahwinan Menurut Islam Memelihara Keturunan. Institute of Islamic Understanding Malaysia: *Utusan Malaysia*. 27 Julai.
- Takuma Sugibayasi & Samsoo Sa-u. 2017. Living in Japan as a Muslim: Current Situations and Problems. *Journal of Islamic Studies, Prince of Songkla University*. 8(2): 93-103.
- Theint Theint Htwe. 2012. Intermarried Couples and Divorces in Japan. *Penyelidikan Sosiobudaya Kontemporari*. 53: 37-60.
- Ulani Yunus, Joice Yulinda Luke, Bhernadetta Pravita Wahyuningtyas, Gayes Mahestu & Yuni Ayu. 2018. Keeping Harmony of Indonesian - Japanese Intercultural Marriage Interactions. *International Journal of Organizational Business Excellence*. 1(1): 41-50.
- Yan Li. 2019. International Marriage in Contemporary Japan A Review Essay on Japanese - Chinese Couples. *Journal of Kyosei*. 3: 153-186.